

SEBUT HARGA DALAM TALIAN



DOKUMEN SEBUT HARGA BAGI

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN:

- i. **LAMAN SUKAN MBSJ, USJ 11 SUBANG JAYA**
- ii. **PADANG BOLA SEPAK MBSJ, SS 15 SUBANG JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN**

NO. SEBUT HARGA	MBSJ.KUB.400-5/6/534
TARIKH BUKA	03 JANUARI 2025
TARIKH TUTUP	17 JANUARI 2025
MASA TUTUP	12.00 TENGAH HARI

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN.**

www.mbsj.gov.my

SENARAI KANDUNGAN		
BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER	SS 1 – SS 4
B	SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN 6	SAP 1 – SAP 2
C	ARAHAN KEPADA PETENDER	AKP 1 – AKP 12
D	BORANG SEBUT HARGA	BS 1
E	<i>PREAMBLES</i>	P 1
F	RINGKASAN SEBUT HARGA	RS 1
G	SENARAI KUANTITI	SK 1 – SK 6
H	PENENTUAN PERKHIDMATAN	PP 1 – PP 10
J	KADAR DENDA BAGI KERJA-KERJA YANG TIDAK MENGIKUT PERINCIAN	KD 1
K	PELAN LOKASI / GAMBAR	PLG 1 – PLG 12
L	MAKLUMAT PETENDER	MP 1 – MP 12



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN A

**SENARAI SEMAK DAN
PERAKUAN PETENDER**

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN SEBUT HARGA

PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA DAN MAKLUMAT PETENDER.

- 1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam arahan kepada petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen Sebut Harga kami semasa mengemukakan Sebut Harga ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditender semasa Penilaian Sebut Harga.
- 2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian Sebut Harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang ditender. Justeru itu Sebut Harga kami akan hanya dipertimbang untuk di perakukan kepada ahli Jawatankuasa Sebut harga di setuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditender, mengikut penilaian MBSJ berdasarkan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
- 3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum Sebut Harga ditutup. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan didalam penilaian keupayaan kami.
- 4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **Sebut Harga kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.
- 5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budibicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

(KERJA/BEKALAN/PERKHIDMATAN)

Sila tandakan / Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan

Sila tandakan X Bagi Dokumen-dokumen Yang Tidak Disertakan atau Tidak Berkaitan

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1	<p>Petender adalah diwajibkan mengemukakan sekurang-kurangnya satu dari perkara-perkara berikut :</p> <p>i) Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup Sebut Harga bagi bulan Oktober, November dan Disember bagi tahun 2024 atau :</p> <p>ii) Salinan akaun yang diaudit oleh Akauntan bertauliah bagi 2 (dua) tahun kewangan terakhir yang telah di sahkan bagi Syarikat Sdn Bhd sahaja atau:</p> <p>iii) Sebarang salinan dokumen/surat pengesahan sebagai bukti kepada bayaran dijangka, kemudahan pinjaman dari bank, overdraf, kemudahan kredit dari pembekal dan lain-lain yang terkini.</p> <p>Penyata bank di atas telah DISAHKAN OLEH PIHAK BANK yang mengeluarkan penyata tersebut (penyata yang tidak disahkan akan mengakibatkan sebut harga tuan tidak akan dipertimbangkan semasa penilaian sebut harga dibuat)</p>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
2	Borang Sebut Harga lengkap diisi (termasuk nilai) dan ditandatangani. (Wajib)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
3	Surat Akuan Pembida (Lampiran 6) yang telah siap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

Dokumen Meja Terkawal

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
4	<p>Salinan Borang D atau Borang E bagi kontraktor/pembekal berdaftar dengan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 atau:</p> <p>Salinan Borang Teras (Super Form) bagi kontraktor/pembekal berdaftar dengan Akta Syarikat 2016. (Wajib)</p>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dan/atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputra dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Borang A – Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender lengkap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	<p>Bagi membolehkan penilaian teknikal dilakukan, petender perlu mengemukakan bukti pemilikan/ keempunyaan loji, jentera, peralatan dan lain-lain seperti (sekiranya berkaitan) :</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Kenderaan / jentera dengan menyertakan salinan Sijil Pemilikan Kenderaan / Sijil / Surat Pajakan ii) Peralatan kerja dengan menyertakan senarai peralatan beserta bilangan iii) Pengalaman kerja dengan menyertakan Surat Setuju Terima (SST) dan laporan penilaian prestasi oleh agensi terlibat. iv) Salinan sijil-sijil kursus/ seminar/ latihan berkaitan 	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
		<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
		<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
		<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
		<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Dokumen Meja Terkawal

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
8	Lain-lain (Sila nyatakan) : i) _____ ii) _____ iii) _____	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
PENGESAHAN OLEH SYARIKAT <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>		UNTUK KEGUNAAN JABATAN <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada)</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>	

* Sila potong mana tidak berkenaan



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN B

SURAT AKUAN PEMBIDA

- LAMPIRAN 6 -

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN:

- i. LAMAN SUKAN MBSJ, USJ 11 SUBANG JAYA
- ii. PADANG BOLA SEPAK MBSJ, SS 15 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

MBSJ.KUB.400-5/6/534

Saya,(Nama Wakil Syarikat) No. Kad Pengenalan yang mewakili(Nama Syarikat) nombor Pendaftaran(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa :

- 3.1 Saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

Dokumen Meja Terkawal

- 3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.
4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :

Catatan:

- (i) *Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **Seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, bekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN C

**ARAHAN KEPADA
PETENDER**



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN D

BORANG SEBUT HARGA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BORANG SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN:

- i. LAMAN SUKAN MBSJ, USJ 11 SUBANG JAYA
- ii. PADANG BOLA SEPAK MBSJ, SS 15, SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Subang Jaya.

Y. Bhg. Dato',

Saya/Kami yang bertandatangan di bawah ini, telah meneliti serta memahami segala syarat-syarat dan perincian kerja serta penentuan perkhidmatan, dengan ini menawarkan diri untuk melaksanakan perkhidmatan tersebut dengan sempurna dan memuaskan dengan jumlah harga sebanyak:-

(Ringgit Malaysia:)

RM
bagi tempoh perkhidmatan (ditetapkan) sebelas (11) bulan.

Saya/Kami bersetuju yang sebut harga ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh Sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau janjian lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

Saya/Kami bersetuju sebut harga ini ditolak sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Saya/Kami bersetuju menyerahkan **Bon Pelaksanaan** dan ia hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak dengan memilih dalam bentuk samada:

- a) Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) atau
- b) Jaminan Syarikat Kewangan atau
- c) Jaminan Insurans/Takaful

Petender akan **menanggung Fi penyediaan Dokumen Perjanjian** seperitimana ditetapkan oleh pihak MBSJ. Sila rujuk **Jadual Fi Bayaran di Perkara 20.0 dalam Arahan Kepada Petender**.

Bertarikh pada haribulan 2025.

.....
Tandatangan Petender

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Alamat :

.....
No. Telefon :

Atas sifat :

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Alamat :

.....
No. Telefon :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN E

PREAMBLES

PREAMBLES

SEBUT HARGA BAGI : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN:

i. LAMAN SUKAN MBSJ, USJ 11 SUBANG JAYA
ii. PADANG BOLA SEPAK MBSJ, SS 15, SUBANG JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN

BIL.	<i>PREAMBLES</i>
A	Petender hendaklah menyediakan Perlindungan **Takaful/ Insurans Tanggungan Awam dan Pampasan Pekerja sebelum melaksanakan perkhidmatan ini. (rujuk Perkara 23 dalam Arahan Kepada Petender) ** Walaubagaimanapun, adalah digalakkan untuk mengambil Pelan Perlindungan Takaful berbanding Pelan Perlindungan Insuran
B	Petender hendaklah menyediakan Bon Perlaksanaan (<i>Performance Bond</i>) dalam bentuk Jaminan Bank / Islamic Bank / BPIMB / Insurans / Takaful atau Jaminan Syarikat Kewangan bagi perkhidmatan yang kontraknya bernilai melebihi RM200,00.00 (rujuk kepada Perkara 12 dalam Arahan Kepada Petender).
C	Petender hendaklah menyediakan kelengkapan kebersihan dan peralatan yang lengkap untuk melaksanakan perkhidmatan pembersihan ini (rujuk Penentuan perkhidmatan untuk keterangan yang lebih lengkap).
D	Petender dinasihatkan untuk membaca dan memahami segala isi kandungan Dokumen Sebut Harga ini. Ini adalah bertujuan agar kontraktor dapat menjalankan semua perkhidmatan ini mengikut arahan dan penentuan perkhidmatan sepertimana yang telah ditetapkan.
E	Kontraktor pada setiap masa, perlu merujuk kepada Pegawai Penguasa atau wakilnya sekiranya terdapat permasalahan di tapak.
F	Lain-lain tanggungjawab di dalam melaksanakan perkhidmatan penyelenggaraan pembersihan serta makluman kepada Petender adalah seperti di Penentuan Perkhidmatan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

RINGKASAN SEBUT HARGA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

RINGKASAN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/534

TAJUK : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN:
i. LAMAN SUKAN MBSJ, USJ 11 SUBANG JAYA
ii. PADANG BOLA SEPAK MBSJ, SS 15 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

BIL	RINGKASAN KERJA	JUMLAH SEBULAN (RM)	BULAN	JUMLAH (11) BULAN (RM)
1.0	PENYEDIAAN PAPAN TANDA MAKLUMAN	-	-	
2.0	PENYEDIAAN LAPORAN DAN KELENGKAPAN KEBERSIHAN		x 11	
3.0	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN		x 11	
4.0	PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LAMAN SUKAN MBSJ, USJ 11 SUBANG JAYA		x 11	
5.0	PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PADANG BOLA SEPAK MBSJ, SS 15 SUBANG JAYA		x 11	
JUMLAH KESELURUHAN DIBAWA KE BORANG SEBUT HARGA (RM)				

RINGGIT MALAYSIA :

TEMPOH PERKHIDMATAN (DITETAPKAN) : SEBELAS (11) BULAN

Tandatangan Petender

Nama Penuh :

No. Kad

Pengenalan :

Alamat :

.....

.....

Tandatangan Saksi

Nama Penuh :

No. Kad

Pengenalan :

Alamat :

.....

.....

Cap Rasmi :

No. Telefon :

Tarikh :

No. Telefon :

Tarikh :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN G

SENARAI KUANTITI

Dokumen Meja Terkawal

SENARAI KUANTITI

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/534

TAJUK : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN :

- i. LAMAN SUKAN MBSJ, USJ 11 SUBANG JAYA
- ii. PADANG BOLA SEPAK MBSJ, SS 15 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
1.0	PENYEDIAAN PAPAN TANDA MAKLUMAN A Membekal dan memasang papan tanda makluman berkaitan perkhidmatan penyelenggaraan ini sepanjang tempoh kontrak mengikut spesifikasi yang ditetapkan seperti gambar yang dilampirkan dan membuka semula papan tanda tersebut serta membaiki apa-apa kecacatan disebabkan perkara tersebut.	NOS	2
JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)					

Dokumen Meja Terkawal

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH SEBULAN (RM)
2.0	PENYEDIAAN LAPORAN DAN KELENGKAPAN KEBERSIHAN				
A	<p>PENYEDIAAN LAPORAN</p> <p>Menyediakan Laporan Bulanan bagi menunjukkan perkhidmatan dan penyelenggaraan pembersihan ini telah dilaksanakan iaitu yang mengandungi gambar mengikut senarai lokasi dan lain-lain berkaitan dengan anggaran sekurang-kurangnya enam (6) helaian muka surat</p> <p>KELENGKAPAN KEBERSIHAN</p> <p>Menyediakan kelengkapan kebersihan seperti dinyatakan di bawah dan hendaklah memastikan ianya sentiasa mencukupi. Kekerapan membersih hendaklah merujuk kepada Penentuan Perkhidmatan.</p> <p>Laman Sukan MBSJ, USJ 11</p>	NOS	1
B	Plastik sampah warna hitam, saiz 75cm x 90cm, <i>High Density Polyethylene</i> (1 bag = 10 helai)	NOS	12
C	Plastik sampah warna biru, saiz 47cm X 54 cm, <i>High Density Polyethylene</i> (1 bag = 10 helai)	NOS	12
JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)					

Dokumen Meja Terkawal

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH SEBULAN (RM)
A	<p>JUMLAH DI BAWA DARI M/S HADAPAN :</p> <p>KELENGKAPAN KEBERSIHAN (samb.)</p> <p>Padang Bola Sepak MBSJ, SS 15</p> <p>A Plastik sampah warna hitam, saiz 75cm x 90cm, <i>High Density Polyethylene</i> (1 bag = 10 helai)</p> <p>B Plastik sampah warna biru, saiz 47cm X 54 cm, <i>High Density Polyethylene</i> (1 bag = 10 helai)</p>	NOS	12
JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)					

Dokumen Meja Terkawal

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH SEBULAN (RM)
3.0	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN				
A	Laman Sukan MBSJ, USJ 11 Menyediakan 2 orang buruh am dalam melaksanakan kerja-kerja pembersihan di Laman Sukan.	Bulan	1
B	Padang Bola Sepak MBSJ, SS 15 Menyediakan 2 orang buruh am dalam melaksanakan kerja-kerja pembersihan di Padang Bola Sepak.	Bulan	1
JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)					

Dokumen Meja Terkawal

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH SEBULAN (RM)
4.0	PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LAMAN SUKAN MBSJ, USJ 11 (166 meter X 170 meter = 28,220 M²)				
A	Perkhidmatan pemotongan rumput di luar kawasan padang menggunakan mesin jenis sandang atau setaraf.	M ²	20,082.4
B	Perkhidmatan penyiraman rumput padang bola sepak dengan kekerapan dua (2) kali seminggu.	Bulan	1
C	Perkhidmatan memotong rumput di dalam padang bola sepak dengan menggunakan mesin jenis tolak atau setaraf (90 meter X 70 meter).	M ²	6,300
D	Perkhidmatan kawalan rumput asing dan rumpai padang bola sepak dengan kekerapan dua (2) kali sebulan.	Bulan	1
E	Perkhidmatan membaja padang bola sepak (jenis NPK 15:15:15).	Beg	5
F	Mengecat garisan putih padang bersaiz 3 inci lebar dan lain-lain perkhidmatan berkaitan (Anggaran 40 liter – Rujuk Penentuan Perkhidmatan)	M	634
G	Perkhidmatan pelupusan sampah sisa ke tapak pelupusan di bawah Worldwide Sdn. Bhd.	Trip	2
JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)					

Dokumen Meja Terkawal

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH SEBULAN (RM)
5.0	PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PADANG BOLA SEPAK MBSJ, SS 15 (120 meter X 92.4 meter = 11,088 M²)				
A	Perkhidmatan pemotongan rumput di luar kawasan padang menggunakan mesin jenis sandang atau setaraf.	M ²	2,798.8
B	Perkhidmatan penyiraman rumput padang bola sepak dengan kekerapan dua (2) kali seminggu.	Bulan	1
C	Perkhidmatan memotong rumput di dalam padang bola sepak dengan menggunakan mesin jenis tolak atau setaraf (100 meter X 80 meter).	M ²	8,000
D	Perkhidmatan kawalan rumput asing dan rumpai padang bola sepak dengan kekerapan dua (2) kali sebulan.	Bulan	1
E	Perkhidmatan membaja padang bola sepak (jenis NPK 15:15:15).	Beg	6
F	Mengecat garisan putih padang bersaiz 3 inci lebar dan lain-lain perkhidmatan berkaitan (Anggaran 40 liter – Rujuk Penentuan Perkhidmatan)	M	684
G	Perkhidmatan pelupusan sampah sisa ke tapak pelupusan di bawah Worldwide Sdn. Bhd.	Trip	2
JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)					



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN H

PENENTUAN PERKHIDMATAN

PENENTUAN PERKHIDMATAN

1.0 PERSEDIAAN AWALAN

- 1.1 Pihak Petender hendaklah menyediakan perkara-perkara berikut bagi melaksanakan perkhidmatan ini iaitu:-
 - 1.1.1 Petender hendaklah memastikan pekerjaannya mempunyai perlindungan di bawah PERKESO (warganegara/penduduk tetap) atan Perlindungan Insurans/Takaful yang mana berkaitan kepada MBSJ sebelum memulakan perkhidmatan ini dan perlu merujuk Perkara 22 dalam Arahan Kepada Petender. Perkara ini dinyatakan dengan lebih jelas di Surat Setuju Terima (SST) untuk jenis insurans yang perlu diambil.
 - 1.1.2 Menyediakan Bon Pelaksanaan bagi perkhidmatan yang kontraknya bernilai melebihi RM200,000.00 (rujuk kepada Perkara 12 dalam Arahan Kepada Petender).
 - 1.1.3 Menyediakan Laporan Bulanan yang mengandungi gambar mengikut senarai lokasi dan lain-lain berkaitan bagi perkhidmatan ini dengan anggaran **enam (6)** helaian muka surat.
 - 1.1.4 Membekal dan memasang **dua (2)** unit papan tanda makluman berkaitan perkhidmatan ini seperti gambar yang dilampirkan.
 - 1.1.5 Petender hendaklah menyediakan peralatan yang lengkap untuk melaksanakan perkhidmatan pembersihan ini seperti berikut:
 - a) Cangkul – 2 unit
 - b) Mesin Rumput Jenis Tolak – 1 unit
 - c) Mesin Rumput Jenis Sandang – 1 unit
 - d) Mesin Baja (*Spreader Machine*) – 1 unit
 - e) Set Mesin Membuat Garisan (*Trueline Machine*) – 1 unit
 - f) Penyapu – 4 unit
 - g) Pencakar – 4 unit
 - h) Kereta Sorong – 2 unit

2.0 PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN:

- i. LAMAN SUKAN MBSJ, USJ 11, SUBANG JAYA – GELANGGANG SUKAN, KAWASAN PERSEKITARAN DAN PENJAGAAN LANDSKAP.
 - ii. PADANG BOLA SEPAK MBSJ, SS 15 SUBANG JAYA - KAWASAN PERSEKITARAN DAN PENJAGAAN LANDSKAP.
- 2.1 Memastikan keseluruhan ruang kemudahan sentiasa bersih dan tiada sampah bertaburan sepanjang masa dengan perkhidmatan penyapuan sampah dijalankan setiap sehari atau setiap kali ternampak sampah.
 - 2.2 Menjalankan perkhidmatan mencuci dah membersih lantai gelanggang sukan sebanyak dua (2) kali sehari kali atau setiap kali ada kekotoran.
 - 2.3 Mengelap dan mencuci keseluruhan peralatan gelanggang sukan dan taman permainan dan yang berkaitan dengannya, setiap hari atau setiap kali ada kekotoran.
 - 2.4 Membuang sawang dan sampah setiap hari.
 - 2.5 Membantu mengangkat dan mengemas segala peralatan atau lain-lain yang berkaitan dengan aktiviti MBSJ yang dijalankan. Perkhidmatan dijalankan sebelum dan selepas aktiviti diadakan.
 - 2.6 Mencuci dan membasuh tandas lelaki dan perempuan serta memastikan lantai, dinding dan peralatan tandas sentiasa bersih, kering dan tidak berbau.
 - 2.7 Perkhidmatan pembersihan di semua tempat hendaklah menggunakan bahan pencuci yang dibenarkan. Pencucian dan pembersihan hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut:
 - 2.7.1 Menanggal, mencuci, dan menyapu kotoran seperti debu, tanah, lumpur, dan sebagainya (sampah sarap).
 - 2.7.2 Menanggal, mencuci, dan menyapu daki kotoran (*external stains*) di semua permukaan di mana-mana berkenaan.
 - 2.7.3 Membersih pelbagai jenis permukaan supaya selamat digunakan, selesa, dan sempurna.
 - 2.7.4 Membersihkan dengan cara tidak merosakkan semua peralatan dan permukaan.
 - 2.8 Perkhidmatan pembersihan di semua tempat hendaklah dilakukan tanpa sebarang gangguan kepada pengguna.
 - 2.9 Menyediakan tong sampah secukupnya dan menggunakan karung plastik untuk pelupusan sampah.
 - 2.10 Mengangkat dan membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan di tempat pembuangan sampah termasuk membasuh tempat pembuangan sampah dua (2) kali sehari atau setiap kali sampah diangkat oleh pihak kontraktor pembersihan yang dilantik oleh pihak Majlis.

Dokumen Meja Terkawal

2.11 Kontraktor dikehendaki membersih dan menyapu keseluruhan kawasan gelanggang sukan, taman permainan dan lain-lain kawasan lain sebanyak dua (2) kali sehari termasuk mengutip dan mengangkat sampah sarap seperti plastik, kertas, kaca, batu, tin minuman, daun kering, najis, bangkai binatang, dan lain-lain. Sampah ini hendaklah dibuang di tempat pembuangan sampah.

2.12 Kontraktor dikehendaki menyediakan tenaga buruh seperti berikut bagi melaksanakan perkhidmatan pembersihan di lokasi ini:

LOKASI	PEKERJA	JUMLAH PEKERJA	HARI	WAKTU / MASA
Laman Sukan MBSJ, USJ 11	Buruh Am	2	Isnin – Ahad	8.00 pagi – 6.00 petang
Padang Bola Sepak MBSJ, SS 15				

2.13 Tanggungjawab pentender di dalam melaksanakan perkhidmatan pembersihan adalah seperti berikut:

2.13.1 Tenaga pekerja yang disediakan hendaklah berusia tidak melebihi 60 tahun, disahkan sihat, mampu, dan berupaya untuk bekerja setiap hari (30) hari termasuk hari Sabtu, Ahad, dan Cuti Umum/Am.

2.13.2 Pentender dikehendaki mengadakan dan menyediakan dengan secukupnya keperluan peralatan perkhidmatan tiap-tiap hari bekerja iaitu penyediaan peralatan pembersihan seperti *mopping equipment*, tong sampah kecil dalam tandas, pengelap cermin, dan lain-lain peralatan yang berkaitan.

2.14 Pentender dikehendaki menjalankan perkhidmatan pembersihan adalah seperti berikut:

2.14.1 Mencuci dan membersih dan keseluruhan gelanggang sukan dan taman permainan sebanyak minima 3 kali sehari atau setiap kali terdapat kotoran.

2.14.2 Membuang sawang labah-labah.

2.14.3 Membersih segala peralatan, papan tanda, dan lain-lain 1 kali dalam seminggu.

2.14.4 Mengangkat dan membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan di tempat pembuangan sampah termasuk membasuh tempat pembuangan sampah – 2 kali sehari dan setiap kali tong sampah penuh.

2.15 Kontraktor dikehendaki menjalankan perkhidmatan pembersihan kawasan di sekitar dan sekeliling kawasan tiap-tiap hari. Ini termasuklah mengutip segala sampah-sarap yang tidak diingini seperti kertas, plastik, kaca batu, tin minuman, dan lain-lain. Segala dahan, pelepah, daun, ranting kering yang gugur mesti dibersihkan dan dimasukkan ke dalam plastik berwarna biru dan dibuang ke tempat pelupusan sampah yang dibenarkan oleh pihak MBSJ pada hari itu juga.

2.16 Kontraktor juga dikehendaki membuang batu pada rumput dan membersihkan tumbuhan asing (jika ada).

Dokumen Meja Terkawal

- 2.17 Kontraktor dikehendaki mengeringkan atau menolak takungan air di gelanggang atau padang yang sediada jika berlaku hujan lebat yang menyebabkan takungan air.
- 2.18 Membuang apa jua jenis rumput dan tumbuhan liar yang tumbuh di sepanjang pagar sekeliling kawasan kemudahan.
- 2.19 Menyusun dan mengemas semula peralatan yang digunakan di dalam kemudahan seperti memasang net tiang gol dan lain-lain peralatan yang berkaitan.
- 2.20 Papan Tanda Informasi Kerja hendaklah di pasang di tempat yang senang dilihat. Sila berhubung dengan Pengawai Penguasa sebelum kerja-kerja pemasangan dilakukan.
- 2.21 Kontraktor adalah diwajibkan untuk menyediakan lori (milikan sendiri/ sewa) bagi urusan penghantaran sampah sisa ke tapak pelupusan di bawah Worldwide Sdn. Bhd.
- 2.22 Lori yang akan digunakan bagi penghantaran sisa ke tapak pelupusan adalah dari jenis ro-ro sahaja supaya sisa dapat diuruskan dengan baik dan tidak jatuh/ bersepeh di atas jalan raya.
- 2.23 Kontraktor juga perlu mengemukakan slip pelupusan sisa ketika membuat tuntutan bayaran bulanan. Kontraktor perlu mendaftarkan lori yang digunakan ke tapak pelupusan. Kos pelupusan dibayar oleh kontraktor.
- 2.24 Lain-lain perkhidmatan pembersihan yang diarahkan oleh Pegawai penguasa mengikut keadaan semasa.

3.0 PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN:

- i. PADANG BOLA SEPAK LAMAN SUKAN MBSJ, USJ 11 SUBANG JAYA
 - ii. PADANG BOLA SEPAK MBSJ, SS 15 SUBANG JAYA
- 3.1 Memastikan keseluruhan kawasan sentiasa bersih dan tiada sampah bertaburan sepanjang masa dengan perkhidmatan penyapuan sampah dijalankan **dua (2) kali sehari** atau setiap kali ternampak sampah.
- 3.2 Membantu mengangkat dan mengemas segala peralatan atau lain-lain yang berkaitan dengan aktiviti MBSJ yang dijalankan.
- 3.3 Perkhidmatan dijalankan sebelum dan selepas aktiviti diadakan.
- 3.4 Perkhidmatan pembersihan di semua tempat hendaklah dilakukan tanpa sebarang gangguan kepada pengguna.
- 3.5 Menyediakan tong sampah secukupnya dan menggunakan karung plastik untuk pelupusan sampah.
- 3.6 Membersih pelbagai jenis permukaan supaya selamat digunakan, selesa, dan sempurna.
- 3.7 Membersihkan dengan cara tidak merosakkan semua peralatan dan permukaan.
- 3.8 Mengangkat dan membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan di tempat pembuangan sampah termasuk membasuh tempat pembuangan sampah dua (2) kali sehari atau setiap kali sampah diangkat oleh pihak kontraktor yang dilantik oleh MBSJ.
- 3.9 Kontraktor dikehendaki membersih dan menyapu keseluruhan kawasan tempat letak kereta, koridor dan lain-lain kawasan sebanyak **dua (2) kali sehari** termasuk mengutip dan mengangkat sampah sarap seperti plastik, kertas, kaca, batu, tin minuman, daun kering, najis, bangkai binatang, dan lain-lain. Sampah ini hendaklah dibuang di tempat pembuangan sampah.
- 3.10 Tanggungjawab kontraktor di dalam melaksanakan perkhidmatan pembersihan adalah seperti berikut:
- Peralatan Kerja
Kontraktor dikehendaki mengadakan dan menyediakan dengan secukupnya keperluan peralatan perkhidmatan tiap-tiap hari bekerja iaitu:
 - a) Peralatan pembersihan seperti mesin rumput (jenis tolak dan sandang), cangkul, kereta sorong, mesin membuat garisan, mesin baja, peralatan siraman, dan lain-lain peralatan yang berkaitan.
- 3.11 Kontraktor dikehendaki menjalankan perkhidmatan pembersihan adalah seperti berikut:
- Pembersihan kawasan persekitaran
 - a) Mengangkat dan membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan di tempat pembuangan sampah termasuk membasuh tempat pembuangan sampah – 2 kali sehari dan setiap kali tong sampah penuh.

- 3.12 Kontraktor dikehendaki menjalankan perkhidmatan pembersihan kawasan di sekitar dan sekeliling kawasan tiap-tiap hari. Ini termasuklah mengutip segala sampah-sarap yang tidak diingini seperti kertas, plastik, kaca batu, tin minuman, dan lain-lain. Segala dahan, pelepas, daun, ranting kering yang gugur mesti dibersihkan dan dimasukkan ke dalam plastik berwarna biru dan dibuang ke tempat pelupusan sampah yang dibenarkan oleh pihak MBSJ pada hari itu juga.
- 3.13 Perkhidmatan Penyiraman Rumput Kawasan Padang Bola Sepak
- 3.13.1 Menyiram bermaksud membekalkan air bersih kepada rumput di permukaan padang dengan kaedah dan kadar yang tertentu.
 - 3.13.2 Banyaknya air yang diperlukan oleh rumput berbeza kerana bergantung kepada jenis, keadaan tanah, dan perubahan cuaca. Menyiram tidak boleh dibuat secara berlebihan untuk memulihkan rumput. Cara penyiraman juga tidak boleh membazirkan air kerana ia boleh menyebabkan rumput mati lemas.
 - 3.13.3 Menyiram air dengan menggunakan tenaga manusia adalah tidak digalakkan kerana paling tidak konsisten dalam tugas menjaga/menyelenggara padang. Penyiraman hendaklah menggunakan ‘water sprinkler’ di padang.



- 3.13.4 Penyiraman yang dibuat mestilah rata dan menyeluruh.
- 3.13.5 Kadar penyiraman adalah **2 kali seminggu** termasuk Cuti Am/Umum sekiranya keadaan memerlukan. Walau bagaimanapun, penyiraman adalah tidak diperlukan sekiranya hujan sepanjang hari pada hari tersebut.
- 3.13.6 Kontraktor adalah diminta berhubung dengan pihak MBSJ sebelum perkhidmatan penyiraman dibuat bagi memastikan kadar dan kaedah yang digunakan.
- 3.13.7 Pihak kontraktor dikehendaki mendapatkan sendiri/mencari punca-punca air untuk tujuan siraman. Segala kos penyelenggaraan adalah ditanggung oleh pihak kontraktor.
- 3.13.8 Pembersihan, mencuci dan membuang segala kekotoran yang terdapat di dalam kawasan padang pada setiap hari bagi memastikan keadaan padang sentiasa bersih dari sebarang kekotoran.
- 3.13.9 Segala sampah sarap yang dikumpulkan perlulah dibuang dengan segera ke kawasan pelupusan sampah.

Dokumen Meja Terkawal

3.14 Perkhidmatan Pemotongan Rumput Padang Bola Sepak.

- 3.14.1 Memotong rumput adalah perkhidmatan membuat pemotongan rumput dengan menggunakan alat-alat yang sesuai dan tajam bagi menjamin hasil perkhidmatan yang memuaskan.
- 3.14.2 Perkhidmatan memotong rumput sebaiknya dilakukan pada sebelah pagi. Sila pastikan permukaan padang kering sebelum perkhidmatan pemotongan dilakukan.
- 3.14.3 Sekiranya permukaan padang basah, jadual pemotongan perlu diubah kepada waktu petang.
- 3.14.4 Panjang rumput bagi sesebuah padang adalah sebaik-baiknya antara 1" – 1½". Walau bagaimanapun, pihak kontraktor dikehendaki menghubungi pihak MBSJ sebelum sesuatu pemotongan itu dibuat bagi memastikan ketinggian pemotongan yang akan dibuat. Sekiranya keadaan rumput masih pendek dan tidak memerlukan pemotongan, pihak MBSJ akan meminta pusingan pemotongan itu ditangguhkan atau dibatalkan tanpa mengubah jumlah harga kontrak.
- 3.14.5 Perkhidmatan memotong rumput mestilah dibuat dengan menggunakan mesin-mesin rumput yang sesuai yang dibenarkan oleh pihak MBSJ.
- 3.14.6 Memotong rumput yang dibenarkan adalah menggunakan pisau (*blade*) jenis *rotary* sahaja. **Pemotongan menggunakan mesin sandang adalah dilarang untuk keseluruhan kawasan dalam padang, kecuali bagi perkhidmatan pemotongan rumput bagi tujuan perapihan seperti pemotongan rumput di tepi tiang gol.**
- 3.14.7 Penggunaan apa jenis mesin pemotong rumput sekalipun hendaklah dari jenis yang ringan. Menggunakan mesin-mesin pemotong yang berat seperti traktor tidak dibenarkan kerana ia mengakibatkan tanah padang menjadi padat.



- 3.14.8 Kontraktor mestilah memastikan agar kawasan pemotongan disapu dan dibersihkan setiap kali selepas pemotongan dibuat.
- 3.14.9 Kadar pemotongan rumput adalah **dua (2)** kali sebulan dan pihak kontraktor dikehendaki mengikut jadual pemotongan yang disediakan mengikut hari-hari tertentu.
- 3.14.10 Pemotongan menggunakan mesin sandang hanya dibenarkan di luar kawasan padang sahaja.

3.15 Kawalan Serangan Perosak, Rumput Asing dan Rumpai.

- 3.15.1 Merumpai bermaksud mencabut dan membuang rumput-rumput yang tidak berkenaan di kawasan padang. Rumput rampai tersebut hendaklah dicabut termasuk akar umbinya, dikumpulkan, dan dibuang.
- 3.15.2 Rumput yang dibenarkan hidup di dalam kawasan padang adalah hanya '**cow grass**' atau ***Axonopus Compressus*** sahaja. Rumput-rumput jenis yang lain perlu dimusnahkan sama sekali.
- 3.15.3 Jika ianya tidak banyak boleh dilakukan dengan mencabut sebatang demi sebatang. Sekiranya rumput rampai tersebut didapati tumbuh dengan banyak di kawasan-kawasan tersebut, maka rumput bagi kawasan-kawasan yang berkenaan perlu dibuang dan ditanam semula.
- 3.15.4 Kawalan serangan/penyakit perlu dilakukan sekiranya perlu dan ada tanda-tanda serangan.
- 3.15.5 Kaedah pengawalan mestilah menggunakan racun yang dikenalpasti dan menggunakan kadar dan spesifikasi yang ditetapkan oleh label racun dengan persetujuan pihak MBSJ.
- 3.15.6 Kadar perkhidmatan yang dijangkakan adalah **dua (2) kali dalam sebulan**.

3.16 Perkhidmatan Pembajaan.

- 3.16.1 Membaja bermaksud membekalkan baja dengan kadar yang ditetapkan mengikut kaedah dan spesifikasi yang ditetapkan.
- 3.16.2 Baja-baja untuk rumput yang boleh digunakan di pasaran hari ini sama ada dalam bentuk *powder* ataupun bijian.
- 3.16.3 Cara membaja rumput juga perlu dibuat dengan cermat dan teliti bagi memastikannya supaya permukaan padang mendapat baja yang serata bagi mendapatkan rumput yang seragam warnanya dan subur.
- 3.16.4 Untuk menentukan keseluruhan permukaan padang mendapat baja, maka penggunaan seperti alat menabur baja 'spreader' adalah dimestikan. Di samping itu menabur baja dengan menggunakan tangan adalah sama sekali **tidak dibenarkan**.
- 3.16.5 Mesin yang disyorkan untuk perkhidmatan pembajaan adalah **Mesin Fertilizer Spreader**.



Dokumen Meja Terkawal

- 3.16.6 Faktor penting yang mesti diberi perhatian dan tindakan selepas pembajaan ialah menyiram air secukupnya di permukaan padang bagi mengelakkan rumput menjadi kuning dan mati.
- 3.16.7 Kadar membaja adalah **sekali** dalam sebulan (**1 kali sebulan**). Walau bagaimanapun, kekerapan ini boleh ditambah menjadi 2 kali sebulan sekiranya padang tersebut terlalu kerap digunakan dan kontraktor mestilah melakukan perkhidmatan tambahan pembajaan ini tanpa sebarang tambahan kos.
- 3.16.8 Jenis dan kadar penggunaan baja adalah seperti berikut:

BIL	LOKASI PADANG	JENIS BAJA (50kg setiap beg)	JUMLAH BEG BAJA
i.	Padang Bola Sepak Laman Sukan MBSJ, USJ 11	NPK 15 : 15 : 15	5 beg sebulan
ii.	Padang Bola Sepak MBSJ, SS 15	NPK 15 : 15 : 15	6 beg sebulan



- 3.17 Perkhidmatan Membuat Garisan Gelanggang Bola Sepak.

- 3.17.1 Garisan gelanggang bola sepak yang dibuat perlulah menggunakan bahan-bahan yang boleh memudahkan penglihatan pemain, pengadil mahupun penonton. Cat putih yang disyorkan adalah dari jenis **Matex Paint 9002 atau setaraf (10 liter)**.
- 3.17.2 Kekerapan perkhidmatan membuat garisan gelanggang bola sepak adalah sekurang-kurangnya **1 kali seminggu**. Perkhidmatan ini mungkin bertambah jika didapati garisan yang dibuat hilang atau pudar.

- 3.18 Lain-lain Perkhidmatan Berkaitan.

Pihak kontraktor perlu menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan penyelenggaraan kemudahan jika diarah berbuat demikian.

- 3.19 Pakaian Seragam.

Kontraktor hendaklah menyediakan pakaian seragam sebagai tanda pengenalan terhadap semua pekerja yang bertugas dalam kontrak ini.

3.20 Punca Air.

Kontraktor dikehendaki mencari sendiri sumber air untuk tujuan perkhidmatan penyiraman. Kontraktor tidak dibenar sama sekali mengambil air daripada saluran pemadam api. Arahan ini hendaklah disampaikan kepada pekerja-pekerja dan hendaklah diulang dari semasa ke semasa.

3.21 Tuntutan Gantirugi Ke Atas Kerugian Atas Kegagalan Perlaksanaan Perkhidmatan Kontraktor Atau Kecuaian.

- 3.21.1 Kontraktor akan membayar gantirugi kepada pihak MBSJ dikira berdasarkan kepada kos kerugian sekiranya ianya terbukti disebabkan oleh kontraktor yang gagal melaksanakan tanggungjawab kontrak ini atau atas sebab kecuaiannya.
- 3.21.2 Sekiranya pihak MBSJ terpaksa membuat sendiri atau memanggil kontraktor lain dalam melaksanakan perkhidmatan dalam kontrak ini, kos tersebut akan dituntut dari kontraktor dan kontraktor berkenaan mesti menanggungnya.
- 3.21.3 Kontraktor dikehendaki mengenalpasti sendiri lokasi-lokasi punca air tersebut untuk membuat perancangan sendiri bagaimana perkhidmatan penyelenggaraan akan dijalankan. Pihak MBSJ boleh memberikan kebenaran penggunaan air tanpa mengenakan sebarang bayaran tetapi tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN J

KADAR DENDA BAGI KERJA-KERJA YANG TIDAK MENGIKUT PERINCIAN

1.0 KADAR DENDA BAGI PERKHIDMATAN YANG TIDAK MENGIKUT PERINCIAN.

1.1	POTONG RUMPUT	
	1.1.1 Rumput yang tidak dipotong.	RM50.00 bagi setiap 100 kaki persegi.
	1.1.2 Potongan tidak sempurna dan tidak dibersihkan.	RM50.00 bagi setiap 100 kaki persegi.
	1.1.3 Rumput yang telah dipotong tidak dikutip.	RM50.00 satu beg hitam besar.
1.2	PEMBAJAAN	
	1.2.1 Padang Tidak Dibaja.	Mengikut kadar semasa harga baja.
1.3	CUCI / SAPU KAWASAN	
	1.3.1 Kawasan tidak disapu/dibersihkan.	RM50.00 bagi setiap 100 kaki persegi keluasan lantai.
	1.3.2 Sampah-sampah sapuan dibiarkan berlonggokan.	RM50.00 satu beg hitam besar.
1.4	TONG SAMPAH KECIL / BESAR	
	1.4.1 Tong sampah kecil tidak dibersihkan.	RM50.00 satu tong kecil.
1.5	PEKERJA	
	1.5.1 Bilangan pekerja tidak mencukupi.	RM50.00 seorang.
	1.5.2 Pekerja tidak memakai jaket/pakaian pekerja.	RM50.00 seorang
1.6	BANGKAI BINATANG	
	1.6.1 Tidak diangkat dengan segera	RM100.00 seekor.
1.7	DAYA KECEKAPAN PENTENDER	
	1.7.1 Kaktangan tidak memakai pakaian seragam yang ada nama syarikat.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
	1.7.2 Kecekapan dan keberkesanan mengatasi aduan kebersihan.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
1.8	PEMBAIKAN KEROSAKAN KECIL	
	1.8.1 Tidak membuat aduan bertulis.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis
1.9	PERALATAN PENYELENGGARAAN	
	1.9.1 Tidak Menyediakan Bahan Pencuci Tangan Di Setiap Tandas	RM 50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis
	1.9.2 Tidak Menyediakan Tisu Tandas Di Setiap Tandas	RM 50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis
1.10	MEMBUAT GARISAN GELANGGANG	
	1.10.1 Tidak membuat garisan gelanggang	Mengikut kadar semasa harga cat.
	1.10.2 Garisan gelanggang cepat pudar akibat penggunaan cat yang cair	RM 50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis
	1.10.3 Garisan gelanggang yang tidak sempurna atau tidak lurus	RM 50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis
1.11	PELUPUSAN SISA SAMPAH	
	1.11.1 Tidak menghantar sisa sampah ke tempat pelupusan di bawah Worldwide Sdn. Bhd.	Mengikut kadar Senarai Kuantiti



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN K

PELAN LOKASI / GAMBAR

**PELAN LOKASI, LAMAN SUKAN MBSJ USJ 11,
JALAN USJ 11/5, SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**

	TANPA SKALA	TAJUK : LOKASI LAMAN SUKAN MBSJ USJ 11, JALAN USJ 11/5, SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN		DISEDIAKAN OLEH : BAHAGIAN KEMUDAHAN & PEMBANGUNAN SUKAN, JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT MBSJ	PELAN LOKASI
--	--------------------	---	--	---	---------------------



Dokumen Meja Terkawal

GAMBAR PERSEKITARAN LAMAN SUKAN MBSJ, USJ 11 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN



Dokumen Meja Terkawal



Dokumen Meja Terkawal



Dokumen Meja Terkawal




Dokumen Meja Terkawal



PLG 6

**PELAN LOKASI, PADANG BOLA SEPAK MBSJ, SS15
SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**




Dokumen Meja Terkawal

GAMBAR PERSEKITARAN PADANG BOLA SEPAK MBSJ, SS 15 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN



Dokumen Meja Terkawal




Dokumen Meja Terkawal



PLG 10

CONTOH PAPAN TANDA NOTIS KERJA.

1. PAPAN TANDA DI LAMAN SUKAN MBSJ, USJ 11 SUBANG JAYA



CONTOH PAPAN TANDA NOTIS KERJA.

2. PAPAN TANDA DI PADANG BOLA SEPAK MBSJ, SS15 SUBANG JAYA





MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN L

MAKLUMAT PETENDER